



Eksekutif Loji, Puncak Niaga Sungai Langat, Zulkefly Abdollah menunjukkan **penurunan melampau** paras takungan air terawat di Loji Imbangan Puncak Niaga, Sungai Langat.

(FOTO SAIREEN NAFIS/BH)

'Usah gopoh ambil alih SYABAS'

» Kerajaan Selangor patut bincang dengan SPAN tambah air bersih

Oleh Meor Hisham Zulkifli,
Rafidah Mat Ruzki, Diyanah
Anuar dan Sarah Sulaiman
bhnews@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan Selangor diminta tidak tergesa-gesa membuat keputusan mengambil alih pengurusan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) sebelum mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Selangor perlu bincang bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi meneliti langkah lebih sesuai bagi menambah bekalan air bersih seperti pembinaan Loji Air Langat Dua.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Peter

Chin Fah Kui, berkata cadangan mengambil alih syarikat konsesi yang mempunyai tenaga mahir seperti SYABAS adalah langkah rumit berikutan akan memberi lebih penderitaan kepada rakyat.

"Kalau dia (Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) kata ada air, di mana? Kalau dia nak buat loji baru, di mana? Perlu ada bukti sebelum keputusan seperti ini diambil.

Belum terima penjelasan SPAN

"Setakat ini kita belum terima penjelasan dan nasihat dari SPAN berhubung pendirian mengambil alih SYABAS dan semua keputusan akhir hanya boleh dibuat selepas menerima surat rasmi dari Kerajaan Selangor," katanya ketika dihubungi BH, semalam.



Tinjauan BH mendapati air takungan pada paras **kurang satu meter** berbanding lebih tiga meter pada kebiasaannya.



“**Kalau dia (Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) kata ada air, di mana? Kalau dia nak buat loji baru, di mana? Perlu ada bukti sebelum keputusan seperti ini diambil**”

Peter Chin Fah Kui,
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

Beliau mengulas keputusan Kerajaan Selangor ingin mengambil alih pengurusan SYABAS dalam tempoh 14 hari kerana mendakwa syarikat itu gagal memberi perkhidmatan air yang terbaik kepada pengguna.

Sementara itu, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, berkata keputusan kritikal itu perlu dirujuk kepada Persekutuan dan hanya sesetengah keputusan kecil saja boleh dibuat SPAN.

"SPAN perlu menjalankan audit dengan mengambil kira apakah permintaan dan masalah bekalan air berdasarkan data rasmi sebelum keputusan penukaran pengurusan SYABAS," katanya

Ketua Pegawai Eksekutif SPAN, Datuk Teo Yen Hua, pula berkata pihaknya belum menerima surat makluman kerajaan Selangor berhubung keputusan mengambil alih pengurusan SYABAS.

"Keputusan kerajaan Selangor ini perlu dirujuk kepada mesyuarat bersama Kerajaan Persekutuan," katanya.